



GARIS PANDUAN PROSEDUR PERMOHONAN POTONGAN KHAS BAGI AKTIVITI PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN YANG LAYAK

1. PENGENALAN

Garis panduan ini bertujuan untuk menerangkan:

- 1.1 Prosedur permohonan kelulusan bagi aktiviti penyelidikan dan pembangunan yang layak untuk potongan khas di bawah seksyen 34A Akta Cukai Pendapatan 1967 (ACP); dan

- 1.2 Keperluan untuk melengkapkan borang yang berkenaan untuk dikemukakan apabila membuat tuntuan –
 - (a) Potongan di bawah peruntukan khas mengikut subseksyen 34(7) ACP (potongan satu kali) untuk perbelanjaan, bersifat bukan modal; atau

 - (b) Potongan khas di bawah seksyen 34A ACP (potongan dua kali) untuk perbelanjaan penyelidikan secara dalaman (*in-house*), bersifat bukan modal; dan

 - (c) Potongan khas di bawah seksyen 34B ACP (potongan dua kali) untuk –
 - (i) sumbangan kepada Institut penyelidikan yang diluluskan; atau

 - (ii) bayaran untuk penggunaan perkhidmatan institut penyelidikan yang diluluskan atau syarikat penyelidikan yang diluluskan, atau syarikat penyelidikan dan pembangunan atau syarikat penyelidikan dan pembangunan kontrak.

berkenaan aktiviti penyelidikan dan pembangunan yang layak yang dijalankan oleh syarikat di Malaysia.

2. PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN

Definisi penyelidikan dan pembangunan di bawah Seksyen 2 ACP telah dipinda dan berkuat kuasa mulai 28.12.2018.

2.1 Definisi

“Penyelidikan dan pembangunan” ertinya apa-apa kajian sistematik, penyiasatan dan eksperimen yang melibatkan perkara baharu atau risiko teknikal yang dijalankan dalam bidang sains atau teknologi dengan tujuannya untuk memperolehi pengetahuan baharu atau menggunakan hasil kajian untuk pengeluaran atau penambahbaikan pada bahan, peranti, produk, hasil, atau proses tetapi tidak termasuk –

- (a) kawalan kualiti atau ujian rutin pada bahan, peranti atau produk;
- (b) penyelidikan dalam sains sosial atau ilmu kemanusiaan;
- (c) pemungutan data rutin;
- (d) kaji selidik kecekapan atau kajian pengurusan;
- (e) penyelidikan pasaran atau promosi jualan;
- (f) pengubahsuaian atau perubahan rutin kepada bahan-bahan, peranti, proses atau kaedah pengeluaran, atau
- (g) pengubahsuaian kosmetik atau perubahan gaya kepada bahan-bahan, peranti, produk, proses atau kaedah pengeluaran.

2.2 Kriteria Kelayakan

Sekiranya aktiviti R&D memenuhi definisi R&D dan kriteria kelayakannya di bawah seksyen 2 ACP, maka insentif boleh dituntut sebagai –

- (a) peruntukan khas di bawah subseksyen 34(7) ACP (**potongan satu kali**); atau
- (b) potongan khas di bawah seksyen 34A ACP (**potongan dua kali**) yang perlu diluluskan oleh Menteri; atau

- (c) potongan khas di bawah seksyen 34B ACP (**potongan dua kali**) yang perlu diluluskan oleh Menteri.

2.3 Aktiviti R&D Yang Layak

Aktiviti R&D hendaklah memenuhi kriteria kelayakan bagi aktiviti R&D yang layak seperti berikut:

- (a) Mempunyai objektif untuk-
 - (i) memperolehi pengetahuan baharu;
 - (ii) mencipta produk baharu atau proses baharu; atau
 - (iii) penambahbaikan pada produk atau proses yang sedia ada.
- (b) Melibatkan perkara yang baharu (sesuatu yang baharu); atau risiko teknikal; dan
- (c) Merupakan kajian yang sistematik (*systematic*), penyiasatan (*investigation*) dan eksperimen (*experimental*) - (*SIE*) di dalam bidang sains atau teknologi;

Untuk maklumat lanjut berhubung kriteria kelayakan dan potongan khas, sila rujuk kepada:

- (i) Ketetapan Umum No.5/2020 bertajuk Layanan Cukai Terhadap Perbelanjaan Penyelidikan dan Pembangunan, Bahagian I - Aktiviti Penyelidikan dan Pembangunan Yang Layak; dan
- (ii) Ketetapan Umum No.6/2020 bertajuk Layanan Cukai Terhadap Perbelanjaan Penyelidikan dan Pembangunan, Bahagian II- Potongan Khas.

yang boleh didapati di dalam portal rasmi Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) di www.hasil.gov.my

3. PERBELANJAAN AKTIVITI PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN YANG LAYAK

Projek atau aktiviti R&D yang dijalankan oleh sebuah syarikat boleh diluluskan sekiranya telah memenuhi definisi dan kriteria kelayakan seperti yang diterangkan di perenggan 2 garis panduan ini. Perbelanjaan yang dibenarkan di bawah potongan khas diringkaskan seperti berikut:

Peruntukan Berkaitan di bawah ACP	Perbelanjaan R&D yang Dibenarkan Sebagai Potongan Khas
Seksyen 34A (potongan dua kali)	<ul style="list-style-type: none">(i) Syarikat yang menjalankan aktiviti R&D secara dalaman berkaitan dengan perniagaannya. Kuasa kelulusan aktiviti R&D yang layak adalah di bawah Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri (KPHDN).(ii) Mengikut seksyen 5, Akta Perwakilan Kuasa 1956, Menteri Kewangan telah mewakilkan kuasanya di bawah seksyen 34A, ACP kepada KPHDN dan Timbalan KPHDN.(iii) Potongan yang dibenarkan adalah dua kali amaun perbelanjaan yang dilakukan ke atas aktiviti R&D yang diluluskan (bukan perbelanjaan modal) boleh dibuat daripada pendapatan kasar peniagaan.
Seksyen 34B (potongan dua kali)	Amaun potongan yang dibenarkan ditolak daripada pendapatan kasar perniagaan adalah dua kali amaun perbelanjaan (bukan merupakan perbelanjaan modal) yang dilakukan terhadap aktiviti R&D yang diluluskan.

Peruntukan Berkaitan di bawah ACP	Perbelanjaan R&D yang Dibenarkan Sebagai Potongan Khas
	<ul style="list-style-type: none"> (i) Sumbangan tunai kepada institut penyelidikan yang diluluskan oleh Menteri; (ii) Bayaran atas penggunaan perkhidmatan institut penyelidikan yang diluluskan atau syarikat penyelidikan yang diluluskan oleh Menteri; (iii) Bayaran atas penggunaan perkhidmatan syarikat penyelidikan dan pembangunan atau syarikat penyelidikan dan pembangunan kontrak.
Subseksyen 34(7) (potongan satu kali)	Syarikat yang menjalankan aktiviti R&D secara dalaman atau menggunakan perkhidmatan yang disediakan oleh penyedia perkhidmatan tetapi tidak berhasrat menuntut potongan khas di bawah sekysen 34A atau seksyen 34B ACP, boleh menuntut potongan satu kali untuk perbelanjaan hasil yang layak yang dilakukan atas akitiviti R&D yang layak.

Carta alir bagi permohonan potongan khas adalah seperti di Lampiran 1.

4. PERMOHONAN POTONGAN KHAS

- 4.1 Syarikat perlu mematuhi prosedur permohonan termasuklah pengisian dan penghantaran borang yang berkaitan sebelum ianya dibenarkan membuat tuntutan untuk sesuatu potongan khas.

Borang	Kriteria Permohonan
<p>Borang 1 (Pin.1/2020) –</p> <p>Permohonan Aktiviti Penyelidikan dan Pembangunan yang Diluluskan di bawah Seksyen 34A ACP</p>	<p>(a) Syarikat yang menjalankan aktiviti R&D secara dalaman di dalam perniagaannya.</p> <p>(b) Setiap Borang 1 yang lengkap hendaklah dilampirkan bersama-sama dokumen sokongan. Borang 1 juga terpakai kepada syarikat perintis yang memilih tuntutan di bawah subseksyen 34A(4A) ACP.</p> <p>(c) Tarikh akhir pengemukaan Borang 1 adalah seperti berikut:</p> <p><u>Projek Baharu</u></p> <p>(i) Tidak kurang dari enam (6) bulan sebelum tempoh perakaunan tahun kewangan perniagaan berakhir, jika aktiviti R&D bermula dalam setengah tahun pertama tempoh perakaunan kewangan perniagaan; dan/atau</p> <p>(ii) Tidak lewat daripada satu (1) bulan selepas tempoh perakaunan kewangan perniagaan berakhir, jika aktiviti R&D bermula dalam setengah tahun kedua tempoh perakaunan kewangan perniagaan.</p> <p><u>Projek Lanjutan</u></p> <p>Tidak kurang dari enam (6) bulan sebelum tempoh perakaunan kewangan perniagaan berakhir.</p>

Borang	Kriteria Permohonan
Borang 2 (Pin.1/2020) – Tuntutan Potongan Dua Kali Perbelanjaan Penyelidikan dan Pembangunan Yang Diluluskan di bawah Seksyen 34A ACP	<p>(a) Borang ini hendaklah diisi selepas sijil kelulusan dikeluarkan oleh KPHDN.</p> <p>(b) Tarikh akhir pengemukaan Borang 2 yang lengkap oleh syarikat adalah:</p> <ul style="list-style-type: none"> (i) Sijil kelulusan dikeluarkan sebelum tarikh akhir mengemukakan Borang Nyata Cukai Pendapatan (BNCP) Borang 2 dihantar pada tarikh yang sama mengemukakan BNCP (ii) Sijil kelulusan dikeluarkan selepas tarikh akhir mengemukakan BNCP Borang 2 dihantar tidak lebih dari tempoh tiga (3) bulan dari tarikh sijil kelulusan dikeluarkan oleh KPHDN.
Borang 3 (Pin.1/2020) – Tuntutan Potongan Dua Kali di Bawah Seksyen 34B ACP Catatan : Borang 3 telah menggantikan Borang DD2/1995 (Pin.2)	<p>(a) Borang 3 yang lengkap hendaklah diisi oleh syarikat yang -</p> <ul style="list-style-type: none"> (i) Memberi sebarang sumbangan tunai kepada suatu institut penyelidikan yang diluluskan; (ii) Membuat pembayaran bagi penggunaan perkhidmatan suatu syarikat penyelidikan yang diluluskan atau institut penyelidikan yang diluluskan;

Borang	Kriteria Permohonan
	<p>(iii) Membuat pembayaran bagi penggunaan perkhidmatan suatu syarikat R&D atau suatu syarikat R&D kontrak.</p> <p>(b) Borang 3 yang asal (dengan dokumensokongan) hendaklah disimpan oleh syarikat dan dikemukakan semasa pemeriksaan audit oleh LHDNM.</p>
Borang 4 – Tuntutan Potongan Satu Kali di Bawah Subseksyen 34(7) ACP	<p>(a) Borang 4 yang lengkap hendaklah dihantar oleh syarikat yang menjalankan aktiviti R&D secara dalaman atau menggunakan perkhidmatan yang disediakan oleh penyedia perkhidmatan R&D dan tidak menuntut potongan dua kali di bawah seksyen 34A atau seksyen 34B, tetapi berhasrat menuntut potongan satu kali di bawah subseksyen 34(7) ACP.</p> <p>(b) Pengemukaan Borang 4 adalah dalam tempoh 30 hari selepas tarikh akhir mengemukakan BNCP.</p>

4.2 Borang permohonan (Borang 1) dan borang tuntutan potongan khas (Borang 2 dan Borang 4) hendaklah dikemukakan kepada:

Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia
Jabatan Dasar Percukaian
Aras 17, Menara Hasil
Persiaran Rimba Permai, Cyber 8
63000 Cyberjaya Selangor.

[Untuk perhatian : Pengarah Jabatan Dasar Percukaian]

4.3 Ilustrasi tarikh akhir pengemukaan borang-borang berkaitan

Contoh 1 – Tarikh Akhir Pengemukaan Borang 1

KOSASS (Malaysia) Sdn Bhd merupakan sebuah syarikat pengilangan radio kereta di Selangor memulakan dua (2) projek baharu R&D mulai 1.3.2020. Kedua-dua projek R&D memenuhi definisi R&D dan kriteria kelayakan. Syarikat berhasrat menuntut potongan dua kali di bawah seksyen 34A ACP. Syarikat juga mempunyai projek R&D tambahan (projek baharu) bermula pada bulan September 2020. Tahun kewangan syarikat berakhir pada 31 Disember setiap tahun.

Syarikat perlu menghantar salinan Borang 1 bagi setiap projek R&D –

- (a) tidak kurang dari enam (6) bulan sebelum tempoh perakaunan tahun kewangan perniagaan berakhir (31.12.2020) iaitu pada 30.6.2020 berkaitan dua (2) projek R&D baharu yang bermula pada 1.3.2020; dan
- (b) selewat-lewatnya dari satu (1) bulan selepas akhir tempoh perakaunan kewangan perniagaan iaitu tidak lewat daripada 31.1.2021 bagi projek R&D tambahan (projek baharu) yang bermula pada bulan September 2020.

Contoh 2 – Tarikh Akhir Pengemukaan Borang 1

Cyberzone Sdn Bhd merupakan sebuah syarikat pengilangan komponen-komponen elektronik. Syarikat mempunyai satu projek baharu yang memenuhi definisi R&D dan mempunyai aktiviti R&D layak yang telah bermula pada bulan Ogos 2020. Syarikat berhasrat memohon potongan dua kali di bawah seksyen 34A, ACP 1967. Tahun kewangan syarikat berakhir pada 31 Disember setiap tahun.

Syarikat perlu menghantar salinan Borang 1 bagi projek R&D tidak lewat dari satu (1) bulan (31.1.2021) selepas akhir tempoh perakaunan kewangan perniagaan (31.12.2020) bagi projek yang bermula pada bulan Ogos 2020.

Contoh 3 – Tarikh Akhir Pengemukaan Borang 1

Syarikat Asta Impiana Sdn Bhd menjalankan projek R&D (membangunkan produk baharu) yang bermula pada 01.04.2020 dan berakhir pada 15.11.2021. Tahun kewangan syarikat berakhir pada 31 Disember setiap tahun.

Syarikat perlu menghantar salinan Borang 1 bagi projek R&D tidak kurang dari enam (6) bulan sebelum tempoh perakaunan tahun kewangan perniagaan berakhir (31.12.2020) iaitu tidak lewat daripada 30.6.2020 (tahun pertama projek) dan 30.6.2021 (tahun kedua bagi projek lanjutan)

Contoh 4 – Tarikh Akhir Pengemukaan Borang 2

Fakta adalah sama seperti contoh 1 kecuali KPHDN telah meluluskan kesemua aktiviti yang dijalankan oleh syarikat melalui sijil kelulusan bertarikh 1.3.2021. KOSASS (Malaysia) Sdn Bhd telah menghantar BNCP bagi tahun taksiran 2020 pada 31.07.2021.

Syarikat perlu menghantar Borang 2 ke LHDNM pada tarikh pengemukaan BNCP bagi tahun taksiran 2020 iaitu pada 31.7.2021. Oleh itu syarikat juga dibenarkan menuntut potongan dua kali di bawah seksyen 34A ACP bagi tahun taksiran 2020.

Contoh 5 – Tarikh Akhir Pengemukaan Borang 2

Fakta adalah sama seperti contoh 1 kecuali KPHDN meluluskan kesemua aktiviti R&D yang dijalankan oleh syarikat melalui sijil kelulusan bertarikh 1.8.2021. Syarikat telah menghantar BNCP bagi tahun taksiran 2020 pada 31.07.2021.

Syarikat perlu melengkapkan dan mengemukakan Borang 2 kepada LHDNM tidak lewat dari 31.10.2021 (tidak melebihi 3 bulan dari tarikh sijil kelulusan iaitu 1.8.2021). Ini disebabkan oleh surat kelulusan bagi projek R&D dikeluarkan selepas tarikh pengemukaan BNCP. Syarikat dibenarkan membuat permohonan pindaan taksiran bagi tahun taksiran 2020.

Syarikat tidak dibenarkan menuntut potongan dua kali di bawah seksyen 34A ACP sebelum sijil kelulusan dikeluarkan oleh KPHDN. Kegagalan mematuhi syarat ini boleh mengakibatkan pengenaan penalti di bawah seksyen 113 ACP kerana membuat tuntutan palsu/menuntut suatu perbelanjaan yang belum diluluskan.

Contoh 6 - Pengiraan Pendapatan Larasan dan Tarikh Akhir Pengemukaan Borang 3

Napuh Hypertune Sdn Bhd (NHSB) telah melantik Syarikat Seven Diamond Sdn Bhd (SDSB- sebuah penyedia perkhidmatan yang diluluskan sebagai syarikat R&D oleh MIDA) untuk menjalankan aktiviti R&D berhubung projek kejuruteraan perisian. Pada 01.02.2020 NHSB telah membayar kos perkhidmatan keseluruhan berjumlah RM 250,000 kepada SDSB bagi perkhidmatan yang dijalankan pada bulan Februari 2020. Tahun kewangan NHSB berakhir pada 31 Mac setiap tahun.

Bagi tahun taksiran 2020, NHSB layak menuntut potongan dua kali di bawah Seksyen 34B sekiranya aktiviti-aktiviti R&D yang dijalankan oleh SDSB adalah memenuhi definisi R&D dan kriteria kelayakan. Borang yang lengkap (dengan

dokumen sokongan) hendaklah disimpan dan dikemukakan oleh NHSB semasa pemeriksaan audit oleh LHDNM.

Pengiraan Pendapatan Larasan – Tahun Taksiran 2020

	RM	RM
Untung bersih		8,000,000
Tambah: Perbelanjaan tidak dibenarkan:		
Susut nilai	500,000	
Perbelanjaan R&D yang layak	250,000	750,000
		8,750,000
Tolak : Perbelanjaan dibenarkan:		
Potongan Dua Kali di bawah seksyen 34B ACP (RM250,000 X 2)		500,000
Pendapatan Larasan		8,250,000

Contoh 7 – Tarikh Akhir Pengemukaan Borang 4

K7 Biotech Sdn Bhd, sebuah syarikat bioteknologi telah menjalankan aktiviti R&D pada 1.4.2020. Syarikat tidak berhasrat menuntut perbelanjaan tersebut di bawah seksyen 34A atau seksyen 34B ACP kerana jumlah kos keseluruhan berjumlah RM 80,000. Aktiviti-aktiviti R&D yang dijalankan oleh syarikat adalah memenuhi definisi R&D dan kriteria kelayakan. Syarikat memutuskan untuk membuat tuntutan di bawah subseksyen 34(7) ACP. Tahun kewangan syarikat berakhir pada 31 Disember setiap tahun.

Syarikat dikehendaki menghantar Borang 4 ke LHDNM dalam tempoh 30 hari selepas tarikh akhir mengemukakan BNCP iaitu sebelum 30.08.2021.

Contoh 8 – Tarikh Akhir Pengemukaan Borang 4

KPHDN telah meluluskan aktiviti R&D yang dijalankan oleh syarikat melalui sijil kelulusan bertarikh 15.4.2020. Syarikat menutup akaun pada 31 Disember setiap tahun. Butiran perbelanjaan adalah seperti berikut:

Perbelanjaan	RM
Bahan	110,000
Kos Tenaga Manusia	40,000
Perkhidmatan Teknikal (luar Malaysia)	80,000
Kos Perjalanan	20,000
Jumlah	250,000

Syarikat tidak layak menuntut bayaran perkhidmatan teknikal (di bawah Seksyen 34A ACP) kerana bayaran perkhidmatan teknikal berjumlah RM80,000 telah melebihi 30% daripada jumlah perbelanjaan dibenarkan berjumlah RM75,000 (RM250,000 x 30%). Walau bagaimanapun syarikat layak menuntut RM80,000 di bawah peruntukan subseksyen 34(7) ACP. Syarikat dikehendaki menghantar Borang 4 yang lengkap ke LHDNM dalam tempoh 30 hari selepas tarikh akhir mengemukakan BNCP.

- 4.4 Sebarang tuntutan potongan khas bagi aktiviti R&D yang layak harus menepati -
- (a) Seksyen 34A, seksyen 34B dan subseksyen 34(7) ACP, mana-mana yang terpakai;
 - (b) Ketetapan Umum No.5/2020 bertajuk Layanan Cukai Terhadap Perbelanjaan Penyelidikan dan Pembangunan, Bahagian I - Aktiviti Penyelidikan dan Pembangunan Yang Layak;
 - (c) Ketetapan Umum No.6/2020 bertajuk Layanan Cukai Terhadap Perbelanjaan Penyelidikan dan Pembangunan, Bahagian II - Potongan Khas;

(d) Garis Panduan ini.

- 4.5 Syarikat akan diminta hadir ke pejabat LHDNM untuk memberikan penerangan yang berkaitan dengan projek/aktiviti R&D yang layak (jika perlu) sekiranya pihak LHDNM memerlukan sebarang maklumat lanjut berhubung tuntutan potongan khas.
- 4.6 LHDNM berhak menyemak tuntutan perbelanjaan R&D yang layak semasa pemeriksaan audit walaupun projek/aktiviti telah dituntut di dalam pengiraan cukai. Amaun perbelanjaan R&D yang layak dituntut akan ditentukan oleh LHDNM semasa pemeriksaan audit.
- 4.7 Pemohon boleh membuat tuntutan hanya ke atas perbelanjaan R&D yang dilakukan pada tarikh aktiviti penyelidikan yang diluluskan itu bermula sehinggalah ke aktiviti terakhir di dalam projek tersebut itu selesai. Permulaan bagi sesuatu projek bermakna tarikh aktiviti penyelidikan tertentu itu bermula. Penyelesaian bagi sesuatu projek bermaksud tarikh bila mana ujian ke atas suatu produk prototaip telah diselesaikan atau bila mana prinsip bagi suatu proses pengeluaran baru telah ditetapkan.
- 4.8 Sekiranya projek/aktiviti R&D yang diluluskan adalah tertangguh/terbengkalai atau ditamatkan dalam tempoh kelulusan, syarikat hendaklah memberitahu perkara itu kepada KPHDN secara rasmi. Kelulusan yang telah diberikan akan dianggap telah terbatal mulai dari tarikh penamatan atau terbengkalai projek/ aktiviti R&D tersebut.
- 4.9 Rayuan bertulis berhubung dengan permohonan projek/aktiviti R&D yang diluluskan yang telah ditolak hendaklah dibuat kepada KPHDN dalam tempoh 30 hari dari tarikh surat penolakan tersebut.

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

Tarikh : 13 Ogos 2020

LHDN.AG.600-12/1/5

**CARTA ALIR PROSEDUR TUNTUTAN POTONGAN KHAS DUA KALI
DI BAWAH SEKSYEN 34A ACP ATAU 34B ACP,
ATAU POTONGAN SATU KALI DI BAWAH SUBSEKSYEN 34(7) ACP UNTUK AKTIVITI R&D YANG LAYAK**

